



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2011**

---

**PENURUNAN KUASA MELULUS KELONGGARAN SYARAT HAD  
UMUR MAKSIMUM BAGI PELANTIKAN SECARA KONTRAK DI  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai penurunan kuasa melulus kelonggaran syarat had umur maksimum kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bagi pelantikan secara kontrak di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini, dasar dan prosedur pelantikan secara kontrak adalah berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 (PP 2/2008) - Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract of Service). Bagi IPTA, kuasa menimbang pelantikan secara kontrak telah diturunkan kepada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) IPTA melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007 (SPP 6/2007) - Penurunan Kuasa Pelantikan Secara Kontrak Pesara Kerajaan Sebagai Pensyarah di IPTA dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 (SPP 3/2008) - Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak oleh IPTA. Walau bagaimanapun, kelonggaran syarat had umur maksimum pelantikan secara kontrak masih perlu

mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

### **PENURUNAN KUASA MELULUS KELONGGARAN SYARAT HAD UMUR MAKSIMUM PELANTIKAN SECARA KONTRAK**

3. Kerajaan telah bersetuju supaya kuasa melulus kelonggaran syarat had umur maksimum bagi pelantikan secara kontrak diturunkan kepada LPU bagi setiap IPTA selaras dengan matlamat mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

4. Dengan keputusan Kerajaan ini, LPU boleh menimbang dan meluluskan pelantikan secara kontrak calon yang **melebihi had umur maksimum** seperti berikut:

- (i) **58 tahun** bagi bukan pesara (warganegara dan bukan warganegara);
- (ii) **60 tahun** bagi pesara; dan
- (iii) **65 tahun** bagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah UiTM, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Penolong Pegawai Perubatan.

### **PELAKSANAAN**

5. Bagi melaksanakan keputusan Kerajaan ini, LPU hendaklah mematuhi semua dasar, prinsip dan syarat-syarat pelantikan kontrak yang ditetapkan dalam PP 2/2008, SPP 6/2007, SPP 3/2008 dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. LPU juga dalam menimbang kelonggaran syarat had umur maksimum bagi pelantikan secara kontrak di IPTA hendaklah mengambil kira asas-asas berikut:

- (i) keperluan perkhidmatan yang mendesak bagi bidang-bidang kritikal yang ditentukan oleh IPTA;
  - (ii) kepakaran dan kemahiran calon yang sukar diperoleh walaupun pelan penggantian telah dilaksanakan;
  - (iii) calon mempunyai prestasi kerja di tahap baik dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan
  - (iv) pelantikan kontrak tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai yang sedang berkhidmat secara tetap.
6. Pertimbangan dan kelulusan kelonggaran syarat had umur maksimum hendaklah dilaksanakan oleh LPU sahaja dan tidak boleh diwakilkan kuasa kepada mana-mana pihak atau pegawai.
7. Penurunan kuasa ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan yang ditetapkan atau apa-apa sebab lain yang diputuskan oleh Kerajaan.


## **PEMANTAUAN**

8. Setiap IPTA hendaklah mengemukakan maklumat pegawai yang telah dilantik secara kontrak dengan kelonggaran syarat had umur maksimum kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dua (2) kali setahun pada akhir bulan Jun dan Disember seperti format di **Lampiran A**.
9. KPT dan JPA akan memantau urusan kelonggaran syarat had umur maksimum bagi pelantikan secara kontrak yang diluluskan oleh setiap IPTA bagi memastikan pelaksanaannya mengikut peraturan yang ditetapkan.

**TARIKH KUAT KUASA**

10. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

3 Mac 2011

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi  
Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri  
Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam

**LAMPIRAN A**  
(SPP 1/2011)

**LAPORAN URUSAN PELANTIKAN / PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK  
DENGAN KELONGGARAN SYARAT HAD UMUR MAKSIMUM**

**IPTA** : \_\_\_\_\_

**TEMPOH** : SEPARUH TAHUN PERTAMA ( ) / SEPARUH TAHUN KEDUA ( )

BIL.	NAMA	TARIKH LAHIR/ UMUR	STATUS		PESARA/ BUKAN PESARA	JAWATAN DAN GRED	BIDANG	TEMPOH KONTRAK TERDAHULU	TEMPOH KONTRAK YANG DITAWARKAN
			WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA					